

Produk USIM diiktiraf di NRIC 2013

PENYERTAAN 10 projek penyelidikan daripada penuntut Prasiswazah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Novel Research & Innovation Competition (NRIC) 2013 anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) membuka peluang terbaik kepada penuntut USIM menunjukkan kebolehan masing-masing.

Dalam pertandingan itu, USIM mempertaruhkan tujuh projek dalam kategori *Social Transformation and Creative Arts* dan tiga produk dalam kategori *Life Sciences*.

Hasil daripada penyertaan tersebut, tujuh produk USIM diiktiraf dan mendapat pingat. Antaranya *E-Gelandangan*, *Module Laboratory Innovation Centre of Islamic Science Studies (ICISS)*, *Clothline Cover (CLC)*, *e-Mentoring* dan *Master Pie* mendapat pingat Gangsa. Manakala satu pingat Perak melalui produk *Bambusia Pasta* dan pingat Emas bagi produk *Easy Jawi*.

Produk *Easy Jawi* juga dinobatkan sebagai pemenang anugerah produk bagi *Social Impact Policy Award* dengan membawa pulang wang tunai



Kegembiraan jelas terpancar di wajah penuntut USIM selepas mendapat pingat di NRIC baru-baru ini.



RM3,000 dan sijil penghargaan.

Kejayaan ini memberi keceriaan kepada kontinjen penyelidik muda USIM yang diketuai Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Prof Madya Dr Norita Md Norwawi.

Penyertaan sulung penuntut USIM dalam *Community Research and Innovation Competition (CoRIC)* dengan produk 'Isee' iaitu penciptaan kompas bagi kegunaan insan yang cacat penglihatan (OKU) juga amat dibanggakan apabila mendapat tempat ketiga.